

Pembangunan sepak takraw diperhebat, lahir bakat cemerlang

SUKANKINI | December 3, 2016 7:41am



HULU LANGAT 3 DIS: Program pembangunan sepak takraw di Selangor menerusi Trio Impian Perangsang Selangor 2016 memasuki siri keduanya dengan kali ini di jalankan di Dewan Orang Ramai Sungai Sekamat pada 12 – 13 November 2016 yang lalu.

Program tajaan **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** ini terus memburu bakat sepak takraw hebat dari usia seawal 10 tahun dan ia berjaya ditemui di daerah Hulu Langat ini.

Seramai 40 orang terlibat kali ini dalam program selama dua hari satu malam. Bermula dengan saringan kemahiran, peserta dikendalikan ketua jurulatih bagi daerah Hulu Langat iaitu Setiausaha Agung Kelab Sepaktakraw Hulu Langat (KRISTAL), Norsyahrman Arif.

Turut membantu beliau ialah beberapa lagi jurulatih yang turut hadir dari daerah lain.

Bagi daerah Hulu Langat, gelanggang Dewan Orang Ramai Sungai Sekamat dipilih sebagai Gelanggang Tumpuan yang mana gelanggang ini dikendalikan Kelab Sepaktakraw Sungai Sekamat (KSTSS).



Ia juga berperanan untuk meneruskan program ini selama enam bulan bagi mempersiapkan pasukan Daerah Hulu Langat untuk kejohanan akan datang.

Program susulan seterusnya ialah perlawanan persahabatan antara Daerah Hulu Langat menentang Daerah Petaling yang dijalankan pada pertengahan Disember 2016.

Selain ditaja sepenuhnya oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, program ini turut disokong oleh pengeluar kelengkapan sepaktakraw tempatan iaitu Gajah Emas Industries Sdn Bhd.

Selepas ini ada tujuh lagi daerah yang menjalankan program sebegini dan diharapkan mampu membawa semula nama Selangor sebagai negeri yang memiliki sejarah hebat di arena sepaktakraw tempatan.

Semua foto dan video program ini turut dimuat naik ke laman web MBR iaitu Bolarotan.com.

Maklumat berkenaan program ini juga turut boleh diperolehi melalui Facebook Masyarakat Bolarotan

<https://selangorkini.my/2016/12/pembangunan-sepak-takraw-diperhebat-lahir-bakat-cemerlang/>